



BULETIN JABATAN ALAM SEKITAR PERLIS

KANDUNGAN

PELAKSANAAN PROGRAM JAS	1
AKTIVITI SEPANJANG PKP	2
PROGRAM HARI BUMI	3
SAMBUTAN HARI BUKU SEDUNIA	4
PEMANTAUAN STESEN	5
KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI	7
PERHIMPUNAN BULANAN KAWALAN PERGERAKAN	7
PENGAWASAN AIR TANAH	8
OPERASI & ADUAN	9
OPS AIR RAYA 2020	10
LIBAT URUS	11
OPS GEMPUR PERLIS	12
HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA	13
EMP (ENVIRONMENTAL)	14
MOMEN TERINDAH SEPANJANG	15
MUTIARA KATA	16

PELAKSANAAN PROGRAM JAS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Tahun 2020 merupakan sejarah bagi Malaysia dan kita sebagai Rakyat Malaysia . Dalam tahun ini , negara dunia telah berdepan dengan wabak COVID-19 yang kini telah menular ke negara kita.

Justeru itu, Malaysia telah mengambil langkah Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dan kini memasuki fasa kelima hingga 9 Jun 2020.

Marilah kita sama-sama menggunakan masa yang ada dalam tempoh PKP untuk melakukan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada kita dan juga kepada orang lain. Dimana kita sebagai JAS kekal komited dalam menjalankan tugas semasa dalam tempoh PKP walaupun bertugas daripada rumah. Pelbagai aktiviti dan sambutan telah dijalankan bersama keluarga masing-masing, antaranya Sambutan Hari Bumi, Program Membaca dan lain-lain.

Perintah ini demi menghalang penularan COVID-19 pada skala lebih besar. Ia menuntut kita berada di rumah masing-masing dan mengamalkan penjarakkan sosial. Ia penting bagi menghindarkan kita daripada bergaul bebas dengan mereka yang walaupun tidak menunjukkan simptom, mungkin dijangkiti wabak ini.

Antara nikmat PKP adalah kita sentiasa bersama keluarga kita. Dengan PKP ini, kita boleh solat berjemaah, masak dan bermain bersama-sama serta macam-macam lagi ikut kreativiti kita.

Pendek kata, perintah ini sebenarnya mampu menyelamatkan ribuan nyawa. Sebab itu, ia wajib kita patuhi.



Jabatan Alam Sekitar added 6 new photos.
May 21 at 13:43 · 📍

PROGRAM Penguatkuasaan OPS AIR RAYA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS (18 MEI -20 MEI 2020)

PERLIS, 20 Mei 2020 - Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan Program Penguatkuasaan Ops Air Raya dari 18 Mei hingga 20 Mei 2020. Ops ini diketuai Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis dan melibatkan kerjasama agensi lain antaranya Suruhanjaya... Continue Reading



KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA - STAY SAFE, STAY HOME DAN PALING PENTING STAY STRONG...!!

**AKTIVITI SEPANJANG PKP (FASA 1, FASA 2 & FASA 3) BERSAMA
KELUARGA JAS PERLIS DI RUMAH MASING-MASING BERMULA
18 MAC HINGGA 28 APRIL 2020**



Sepanjang Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), banyak aktiviti yang dilakukan bersama keluarga selain arahan pejabat yang perlu dijalankan di rumah masing-masing. Antara aktiviti yang dijalankan bersama seperti penanaman pokok, penggunaan barang kitar semula dan aktiviti riadah bersama keluarga. Antara barang terpakai ialah bekas telur, tayar terpakai, bekas sabun, botol plastik dan sebagainya.



PROGRAM HARI BUMI—SEMASA PERINTAH PERGERAKAN KAWALAN (PKP)




PROGRAM HARI BUMI—SEMASA PERINTAH PERGERAKAN KAWALAN (PKP)

“Tindakan Menangani Perubahan Iklim” 22 April 2020 telah diisytiharkan sebagai Hari Bumi di seluruh dunia. Sempena sambutan ini, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan bagi menterjemahkan pemahaman setiap individu dan kumpulan masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar. Tema sambutan Hari Bumi bagi tahun 2020 adalah “Tindakan Menangani Perubahan Iklim” atau “Climate Action”, mengajak seluruh masyarakat dunia untuk mengambil tindakan dalam membina alam sekitar yang lestari.

Dalam menyambut saranan kerajaan bagi menjayakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perlis mengambil pendekatan melaksanakan aktiviti kitar semula di rumah, dengan penglibatan kakitangan JAS Perlis bersama keluarga di rumah masing-masing.

Tempoh masa yang ada sepanjang PKP ini juga boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya dengan mencungkil bakat terpendam yang ada dikalangan ahli keluarga. Anak-anak mungkin punya banyak idea kreatif yang boleh ditonjolkan. Ternyata anak-anak kakitangan JAS sangat berbakat dalam merekacipta menggunakan bahan yang boleh dikitar semula. Bahan yang digunakan adalah kertas, botol plastik dan sisa kayu. Berikut antara hasil daya kreativiti ahli keluarga kakitangan JAS yang berjaya dikumpulkan.





Sambutan Hari Buku & Hak Cipta Sedunia 2020

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah mengadakan program “Jom Baca Bersama 10 Minit” (“Let’s Read Together”) Sempena Sambutan Hari Buku Sedunia pada 23 April 2020 bersama keluarga masing-masing di rumah semasa dalam tempoh PKP.



PEMANTAUAN STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK DI NEGERI PERLIS



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan kerja-kerja pemantauan ke atas stesen-stesen pengawasan kualiti alam sekitar di negeri Perlis pada 12 Mei 2020.

Stesen pengawasan kualiti udara di Institut Latihan Perindustrian Kangar Perlis merupakan satu-satunya stesen pengawasan kualiti udara automatik yang beroperasi 24 jam bagi memantau kualiti udara di negeri Perlis.



Sehubungan itu, JAS Perlis mengambil pendekatan proaktif untuk melawat stesen pengawasan kualiti udara agar sentiasa di dalam keadaan baik dan boleh beroperasi dengan berkesan. Pemantauan ini juga dibuat bagi memastikan keadaan fizikal dan aset kerajaan berada dalam keadaan yang baik dan terpelihara.



Pemantauan menggunakan drone di sekitar kawasan Perlis turut dibuat bagi memastikan tiada sebarang aktiviti pembakaran terbuka. Turut serta di dalam program pemantauan adalah Tuan Pengarah JAS Perlis, Tuan Haji Azman Shah bin Ismail.

PEMANTAUAN STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK DI NEGERI PERLIS PADA 12 MEI 2020



Kerja-kerja pemantauan stesen pengawasan kualiti air sungai automatik juga telah dibuat di Stesen Terusan MADA. Stesen ini berfungsi untuk memantau kualiti air sungai di hulu takat pengambilan air yang akan masuk ke loji rawatan air.

Lawatan pemantauan ini bukan sahaja melihat kepada keadaan fizikal dan asset kerajaan dalam keadaan baik dan terpelihara tetapi juga bagi memastikan stesen boleh beroperasi 24 jam dengan baik dan berkesan.



Walaupun stesen pengawasan kualiti air sungai automatic ini terletak di Kampung Tokong, Kodiang, Kedah tetapi ia amat penting bagi rakyat di Negeri Perlis kerana stesen ini berkeupayaan memberi isyarat kepada loji rawatan air yang terletak di Negeri Perlis sekiranya berlaku perubahan kualiti air sungai yang luar biasa dan menyebabkan kesan ke atas rawatan air bagi Negeri Perlis.

Turut serta di dalam program pemantauan adalah Tuan Pengarah JAS Perlis, Tuan Haji Azman Shah bin Ismail. Pemantauan menggunakan drone juga dibuat bagi melihat sebarang punca-punca lain. Keadaan air sungai yang keruh berkemungkinan dari keadaan hujan yang lebat.



KUNJUNGAN HORMAT YANG BERTHORMAT MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR KE NEGERI PERLIS PADA 1 JUN 2020



PERHIMPUNAN BULANAN KAKITANGAN JAS PERLIS BAGI SUKUTAHUN KEDUA PADA 5 JUN 2020



PENGAWASAN AIR TANAH DI NEGERI PERLIS



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan kerja-kerja pemantauan ke atas stesen-stesen pengawasan kualiti Air Tanah Alam Sekitar di Negeri Perlis pada 12 Mei 2020. Lawatan pemantauan ini bagi melihat kepada keadaan fizikal dan aset kerajaan dalam keadaan baik sepanjang musim PKP .



KERJA-KERJA PENGAWASAN AIR TANAH DI EMPAT (4) TELAGA/STESEN DI NEGERI PERLIS BAGI SUKU TAHUN KEDUA OLEH PEGAWAI-PEGAWAI JAS PERLIS



Perlis mempunyai 4 stesen/ telaga air tanah yang perlu dipantau empat kali setahun. Dua stesen /telaga di Arau manakala stesen/telaga yang lain di Rimba Mas dan Chuping.

ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA OLEH ORANG AWAM



OPS CATAT DAN CAMERA VIDEO OPERASI ASAP HITAM (MEI 2020)



PROGRAM PEMERIKSAAN FLEET OPERATOR (JUN 2020)



**OPERASI BERSEPADU BAGI MENCEGAH PENCEMARAN AIR SUNGAI
SEMPENA MUSIM PERAYAAN—OPS AIR RAYA 2020
PADA 18-20 MEI 2020 BAGI NEGERI PERLIS**



Pelaksanaan Operasi ini memfokuskan kepada premis atau punca-punca pencemaran yang terletak di hulu takat pengambilan air. Walau bagaimanapun, operasi bersepadu ini mengambilkira SOP, arahan dan langkah-langkah keselamatan atau kesihatan yang dikeluarkan masing-masing oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Alam Sekitar.

Agensi-agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu ini ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Syarikat Air Perlis (SAP) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) .



LIBAT URUS BERSAMA PIHAK SURUHANJAYA AIR NEGARA DAN PIHAK INDAH WATER KONSORTIUM



Jabatan Alam Sekitar Perlis telah mengadakan satu mesyuarat berkaitan Pematuhan Loji Kumbahan Di Negeri Perlis pada 11 Jun 2020. Mesyuarat tersebut adalah lanjutan daripada mesyuarat lepas yang telah diadakan pada 17 Jun 2019. Mesyuarat tersebut melibatkan pihak Suruhanjaya Air Negara dan pihak Indah Water Konsortium bertempat di Bilik Mesyuarat Loji Pengolahan Kumbahan Berpusat, Bintong. Antara perkara yang dibincangkan adalah pematuhan terhadap 54 loji kumbahan dibawah seliaan pihak IWK dan juga beberapa penambahbaikan dan peningkatan kecekapan terhadap 54 loji berkenaan. Terdapat juga beberapa loji dibawah agensi kerajaan yang didalam proses pengambilalihan oleh pihak IWK. Turut serta bersama adalah Tuan Pengarah, Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail



OPS GEMPUR PERLIS BIL.1/2020 PADA 23 JUN HINGGA 26 JUN 2020

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah selesai melaksanakan Ops Gempur Perlis Bil. 1/2020 pada 26 Jun 2020 untuk mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Operasi Ops Gempur Bil.1/2020 telah diadakan dari 23 hingga 26 Jun 2020 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 19 orang yang dibahagikan kepada 6 pasukan. Objektif Ops Gempur ini adalah untuk memastikan pihak industri khususnya sentiasa bersedia untuk mematuhi perundangan Alam Sekitar dalam mereka menjalankan operasi premis. Selain itu, ianya juga menunjukkan keseriusan Jabatan dalam membentaras dan mengambil tindakan perundangan kepada mana-mana pihak yang melanggar perundangan alam sekitar. Berakhir operasi Ops Gempur Bil. 1/2020 telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 36 premis di kawasan Kangar, Arau dan Padang Besar. Hasil daripada operasi ini, tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan (36), Notis Arahan (11) dan Kompaun (14). Selain itu, sebanyak 8 percontohan air telah diambil di premis yang diperiksa dan telah dikemukakan ke Jabatan Kimia untuk dianalisa.



HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERLIS 2020



Jabatan Alam Sekitar di setiap negeri juga memainkan peranan dengan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta menyebarkan maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat sebagai satu usaha dan langkah jangka panjang ke arah membina sebuah masyarakat penyayang dan mesra alam. Antara pengisian yang dijalankan Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 bagi Negeri Perlis ialah Wawancara Radio Bersama Pengarah Jabatan Alam Sekitar Perlis dan Kuiz Alam Sekitar melalui udara (Perlis FM).



**PEMENANG
KUIZ ALAM
SEKITAR
SEMPENA
HARI ALAM
SEKITAR
SEDUNIA
PERINGKAT
NEGERI
PERLIS 2020**



ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN (EMP) KETIKA TEMPOH PKPB

Mesyuarat Laporan Environmental Management Plan (EMP) dan lawatan tapak bagi cadangan Projek Kawasan Pembangunan Lembah Chuping di Atas Sebahagian Lot 8924 (Tanah Kerajaan), Mukim Titi Tinggi, Perlis telah di adakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis pada 4 Jun 2020. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah JAS Perlis, Tn. Hj. Azman Shah Bin Ismail. Turut dihadiri pemaju dan juruperunding.

Mesyuarat adalah bertujuan untuk membincangkan Laporan Environmental Management Plan (EMP) dan Land Disturbing Pollution Prevention And Mitigation Measures (LD-P2M2) yang dicadangkan melalui permohonan tersebut.



Pihak juruperunding juga turut membentangkan laporan EMP kepada pegawai penilai JAS Perlis.



LAWATAN EIA KE TIMAH TASOH KETIKA TEMPOH PKPB PADA 14 MEI 2020



Mutiara Kata

Tali yang paling kuat untuk tempat bergantung adalah tali pertolongan Allah

“Buya Hamka”

Sidang Redaksi :-

Penasihat : En. Azman Shah Bin Ismail

Editor : Pn. Hafishoh Binti Md Isa

Sumber Bahan : Ketua-Ketua Unit & Pegawai-Pegawai JAS Perlis